



مجلس دائيره رومبين

MAJLIS DAERAH ROMPIN

PEjabat MAJLIS DAERAH ROMPIN, 26800 KUALA ROMPIN,  
PALLANG DANIL, MAKMLUR  
Tel : 09-4146677, 4146688, 4146302 & 4146307 Faks : 09-4146077  
e-mail : www.mdrrompin.gov.my

Rujukan kami : MDR/P.T/3-02 Jld.2 (39)  
Tarikh : 9 Oktober 2017  
Bersamaan : 30 Muharram 1439

YH. Dato'/Tuan/Puan,

### IKLAN JAWATAN KOSONG

Dengan segala hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa bersama-sama ini dikemukakan sesalinan iklan jawatan kosong seperti senarai di lampiran untuk dipamerkan di Jabatan YH. Dato/tuan/puan sebagai hebahan kepada orang ramai.

- 2.1 Penolong Akauntan Gred W32 (Tetap)
- 2.2 Penolong Pegawai Pertanian Gred G29 (Tetap)
- 2.3 Penolong Jurutera Gred JA29 (Tetap)
- 2.4 Penolong Pegawai Penguat Kuasa Gred KP29 (Tetap)
- 2.5 Penolong Akauntan Gred W29 (Tetap)
- 2.6 Pembantu Tadbir (P/O) Gred N26 (Tetap)
- 2.7 Pembantu Penguat Kuasa Gred KP19 (Tetap)
- 2.8 Pembantu Tadbir (P/O) Gred N19 (Tetap)
- 2.9 Pemandu Kenderaan Gred H11 (Tetap/Kontrak)
- 2.10 Pembantu Operasi Gred N11 (Tetap)

3. Perhatian serta kerjasama yang diberikan oleh pihak tuan, amatlah dihargai dan diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

(**HALIM BIN IDRIS**)  
Setiausaha  
b.p. Yang Dipertua

Salinan kepada:

1. Yang Dipertua  
Majlis Daerah Rompin
2. Setiausaha Bahagian  
Bahagian Kerajaan Tempatan  
Wisma Sri Pahang  
25503 Kuantan



MAJLIS DAERAH ROMPIN  
26600 KUALA ROMPIN  
PAHANG DARUL MAKMUR  
NO. TEL. 09-4146677 / 88  
e-mel: [mdrompin.gov.my](mailto:mdrompin.gov.my)

## PERMOHONAN UNTUK MENGISI JAWATAN KOSONG

- A. Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia dan keutamaan adalah kepada rakyat Negeri Pahang Darul Makmur yang berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan untuk mengisi kekosongan jawatan berikut:

### 1. PENOLONG AKAUNTAN GRED W32

- (a) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
- (b) Klasifikasi Perkhidmatan : Kewangan
- (c) Gred Jawatan : W32
- (d) Jadual Gaji :

Gaji Minimum	RM2,848.00
Gaji Maksimum	RM6,259.00
Kadar Kenaikan Gaji Tahunan	RM155.00

- (e) Taraf Jawatan : Tetap

### SYARAT LANTIKAN

- (a) Penolong Akauntan Gred W29 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Akauntan Gred W32 yang kosong apabila telah:
  - (i) disahkan dalam perkhidmatan;
  - (ii) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (iii) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (iv) diperakukan oleh Ketua Jabatan Perkhidmatan

## 2. PENOLONG PEGAWAI PERTANIAN GRED G29

- (a) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
- (b) Klasifikasi Perkhidmatan : Pertanian
- (c) Gred Jawatan : G29
- (d) Jadual Gaji :

Gaji Minimum	RM1,494.00
Gaji Maksimum	RM5,674.00
Kadar Kenaikan Gaji Tahunan	RM145.00

- (e) Taraf Jawatan : Tetap

### SYARAT LANTIKAN

- (a) Sijil Pertanian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi latihan tempatan atau kelayakan yang setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah RM1,494.00); atau
- (b) Diploma dalam bidang pertanian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah RM1,847.86); dan
- (c) kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

## 3. PENOLONG JURUTERA GRED JA29

- (a) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana (Skim Perkhidmatan Bersepadu)
- (b) Klasifikasi Perkhidmatan : Kejuruteraan
- (c) Gred Gaji : JA29
- (d) Jadual Gaji :

Gaji Minimum	RM1,549.00
Gaji Maksimum	RM5,701.00
Kadar Kenaikan Gaji Tahunan	RM145.00

- (e) Taraf Jawatan : Tetap

#### SYARAT LANTIKAN

- (a) (i) Sijil dalam bidang Kejuruteraan Awam yang diiktiraf oleh kerajaan daripada Politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred JA29 : RM1,549.00); atau

- (ii) Diploma dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred JA29 : RM1,935.02); dan

- (b) Memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

#### 4. PENOLONG PEGAWAI PENGUAT KUASA GRED KP29

- (a) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana  
(b) Klasifikasi Perkhidmatan : Keselamatan Dan Pertahanan Awam  
(c) Gred Gaji : KP29  
(d) Jadual Gaji :

Gaji Minimum	RM1,493.00
Gaji Maksimum	RM5,696.00
Kadar Kenaikan Gaji Tahunan	RM145.00

- (e) Taraf Jawatan : Tetap

#### SYARAT LANTIKAN

- (a) (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP29 : RM1,493.00); atau

- (ii) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP29 : RM1,493.00); atau

- (iii) bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Sarjan atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP29 : RM1,493.00); atau

- (iv) diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP29 : RM1,770.95.); atau

- (v) diploma dalam bidang undang-undang yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP29 : RM1,846.15)

dan (b) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:

- (i) tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
- (ii) berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46 kg bagi wanita;
- (iii) mempunyai ukuran indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
- (iv) mempunyai sekurang-kurangnya 79sm ukuran dada yang biasa dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);
- (v) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
- (vi) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
- (vii) diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan yang berdaftar.

- (c) Keujian dalam subjek Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.



Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Penguat Kuasa adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan (PSL) ke jawatan Penolong Pegawai Penguat Kuasa Gred KP29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan di atas; atau
- (ii) lulus Peperiksaan Khas, dan
- (b) had umur pelantikan
  - (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
  - (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
  - (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

#### 5. PENOLONG AKAUNTAN GRED W29

- (a) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
- (b) Klasifikasi Perkhidmatan : Kewangan
- (c) Gred Gaji : W29
- (d) Jadual Gaji :

Gaji Minimum	RM1,498.00
Gaji Maksimum	RM5,678.00
Kadar Kenaikan Gaji Tahunan	RM145.00

- (e) Taraf Jawatan : Tetap

#### SYARAT LANTIKAN

- (a) (i) Sijil dalam bidang pengajian perniagaan atau penyimpan kira yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
  
(Gaji permulaan ialah pada Gred W29 : RM1,510.92); atau
- (ii) *Certified Accounting Technician* (CAT) yang diiktiraf oleh Kerajaan.  
  
(Gaji permulaan ialah pada Gred W29 : RM1,510.92); atau

- (iii) diploma dalam bidang pengajian perniagaan, kewangan, perbankan atau perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W29 : RM1,776.08); atau

- (iv) *Licentiate of The Chartered Institute of Secretaries and Administrators of United Kingdom* dalam bidang kewangan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W29 : RM2,001.68).

- (b) Kepujian dalam subjek Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

#### 6. PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI) GRED N26

- (a) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
- (b) Klasifikasi Perkhidmatan : Pentadbiran Dan Sokongan
- (c) Gred Gaji : N26
- (d) Jadual Gaji :

Gaji Minimum	RM2,577.00
Gaji Maksimum	RM5,251.00
Kadar Kenaikan Gaji Tahunan	RM125.00

- (e) Taraf Jawatan : Tetap

#### SYARAT LANTIKAN

- (a) Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N22 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N26 yang kosong apabila telah:
  - (i) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (ii) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (iii) diperakukan oleh Ketua Jabatan



## 7. PEMBANTU PENGUAT KUASA GRED KP19

- (a) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
- (b) Klasifikasi Perkhidmatan : Keselamatan Dan Pertahanan Awam
- (c) Gred Gaji : KP19
- (d) Jadual Gaji :

Gaji Minimum	RM1,360.00
Gaji Maksimum	RM4,052.00
Kadar Kenaikan Gaji Tahunan	RM100.00

- (e) Taraf Jawatan : Tetap

### SYARAT LANTIKAN

- (a) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP19 : RM1,360.00); atau

- (ii) bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Konstabel atau Prebet atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan memuaskan..

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP19 : RM1,360.00); atau

- (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP19 : RM1,416.40); atau

- (iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP19 : RM1,472.80)

- dan (b) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:
- (i) tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
  - (ii) berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46 kg bagi wanita;
  - (iii) mempunyai ukuran indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
  - (iv) mempunyai sekurang-kurangnya 79sm ukuran dada yang biasa dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);
  - (v) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
  - (vi) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
  - (vii) diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan yang berdaftar.
- (c) Kepujian dalam subjek Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

#### 8. PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI) GRED N19

- (a) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
- (b) Klasifikasi Perkhidmatan : Pentadbiran Dan Sokongan
- (c) Gred Gaji : N19
- (d) Jadual Gaji :

Gaji Minimum	RM1,352.00
Gaji Maksimum	RM4,003.00
Kadar Kenaikan Gaji Tahunan	RM100.00

- (e) Taraf Jawatan : Tetap

### SYARAT LANTIKAN

- (a) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N19 : RM1,352.00); atau

- (ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N19 : RM1,408.40); atau

- (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N19 : RM1,464.80).

- (b) Kepujian dalam subjek Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

### 9. PEMANDU KENDERAAN GRED H11

- (a) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana  
(b) Klasifikasi Perkhidmatan : Kemahiran  
(c) Gred Gaji : H11  
(d) Jadual Gaji :

Gaji Minimum	RM1,218.00
Gaji Maksimum	RM2,939.00
Kadar Kenaikan Gaji Tahunan	RM80.00

- (e) Taraf Jawatan : Tetap/Kontrak

### SYARAT LANTIKAN

- (a) (i) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

- (ii) Lesen memandu Kelas D/E/E1/E2/F/G/H/I yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P)]; dan
- (iii) berkebolehan memandu, mengendali dan menyenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini.

Gaji permulaan Gred H11 ditetapkan mengikut Kelas Lesen Memandu:

- Lesen D : RM1,264.15
- Lesen E/E1/E2 : RM1,310.30
- Lesen F/G : RM1,356.45
- Lesen G/I : RM1,402.60

- (b) Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

#### 10. PEMBANTU OPERASI GRED N11

- (a) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
- (b) Klasifikasi Perkhidmatan : Pentadbiran Dan Sokongan
- (c) Gred Gaji : N11
- (d) Jadual Gaji :

Gaji Minimum	RM1,216.00
Gaji Maksimum	RM2,983.00
Kadar Kenaikan	RM80.00
Gaji Tahunan	

- (e) Taraf Jawatan : Tetap

#### SYARAT LANTIKAN

- (a) (i) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N11: RM1,216.00); atau

- (ii) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan memiliki lesen memandu Kelas B2/B/D/E2/E1/E yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali Lesen Memandu Percubaan (P)]

(Gaji permulaan ialah pada Gred N11: RM1,262.15).

- (b) Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

## B. CARA-CARA MEMOHON

- (a) Permohonan hendaklah menggunakan Borang Permohonan Jawatan Majlis Daerah Rompin yang boleh didapati di laman web Majlis Daerah Rompin di alamat [www.mdrompin.gov.my](http://www.mdrompin.gov.my) atau datang sendiri ke Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Daerah Rompin, 26800 Kuala Rompin, Pahang Darul Makmur dan Pejabat Cawangan Bandar Muadzam Shah, 26700 Muadzam Shah, Pahang Darul Makmur untuk setiap satu (1) jawatan.
- (b) Semua permohonan hendaklah disertakan dengan salinan siji atau salinan keputusan peperiksaan bagi kelayakan yang disyaratkan.
- (c) Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat berukuran 10" x 15". Di sudut atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis jawatan yang dipohon.
- (d) Permohonan yang berikut **AKAN DITOLAK** sekiranya:
  - (i) tidak lengkap, tidak ditandatangani, tidak disertakan gambar, tidak terang dan memohon jawatan yang tidak diiklankan;
  - (ii) tidak disertakan dokumen yang diperlukan;
  - (iii) tidak mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam iklan;
  - (iv) permohonan diterima selepas tarikh tutup iklan; dan
  - (v) tidak mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan bagi pegawai yang sedang berkhidmat.



**C. ALAMAT PERMOHONAN DAN TARIKH TUTUP**

Permohonan hendaklah sampai kepada:

**YANG DIPERTUA  
MAJLIS DAERAH ROMPIN  
26800 KUALA ROMPIN  
PAHANG DARUL MAKMUR**

Sebelum atau pada **31 Oktober 2017**

Pegawai-pegawai Kerajaan yang sedang berkhidmat hendaklah mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan selaras dengan Peraturan 18, Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012 dengan menyertakan salinan Kenyataan Perkhidmatan yang kemas kini dan Laporan Penilaian Prestasi.

**D. CATATAN AM**

- a) Hanya permohonan yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemu duga
- b) Pemohon-pemohon yang tidak menerima jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.